

# PM mengaku terima 26 kereta

**PUTRAJAYA 14 Mei** - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui beliau pernah menerima hadiah sebanyak 26 buah kereta sepanjang kali pertama menjadi Perdana Menteri.

Menurut beliau, namun kesemua kereta itu telah dipulangkannya dan orang ramai yang ingin melihat kereta-kereta tersebut boleh melihatnya di Langkawi.

Jelas beliau, sekarang be-

liau dan semua menteri Kabinet tidak lagi boleh menerima hadiah mewah apabila kerajaan mensyaratkan nilai hadiah tidak melebihi RM500, selain bunga dan buah-buahan.

Katanya, ada juga pihak hendak menghadiahkan satu tan dodol, selain dua kotak besar buah-buahan namun beliau menolaknya.

"Sekarang ini rumah saya pe-

nuh dengan makanan, dengan bunga, tak payah *report* kepada Tan Sri Abu Kassim (Pengerusi Pusat Governans Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed)," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Ke-8 di Bangunan Perdana Putra di sini, hari ini.